

TEKS UCAPAN
BRIG. JEN. DATO' PROF. DR. KAMARUDIN HUSSIN
NAIB CANSELOR UniMAP
PERJUMPAAN MINGGUAN BERSAMA NAIB CANSELOR
DI MULTIPURPOSE COURT KUBANG GAJAH
20 JANUARI 2010

Bismillah Hirrahman Nirrahim
Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh , Salam
Sejahtera dan Salam Satu Malaysia.

Yang Berbahagia Prof. Dr. Sazali Yaacob, Timbalan Naib
Canselor Akademik dan Antarabangsa UniMAP,

Yang Berbahagia Prof. Dr. Zulazhar Zahid Jamal, Timbalan
Naib Canselor Penyelidikan dan Inovasi UniMAP.

Pegawai-pegawai Utama Universiti, dekan-dekan dan ketua-
ketua jabatan,

Staf UniMAP seterusnya pelajar-pelajar antarabangsa yang
saya kasihi sekalian.

Selamat Pagi, Good Morning, Zhao Shang Hao, Kalai
Vanakkam.

Alhamdulillah, puji dan syukur saya panjatkan kepada Allah SWT kerana terus memberikan keizinan untuk kita berkumpul dan bersenam beramai-ramai buat kali ketiganya pada tahun 2010 ini.

Sesungguhnya tiada yang lebih menggembirakan saya selain diberikan kesempatan dan peluang untuk bertemu dengan anda setiap minggu seterusnya melakukan aktiviti ini secara beramai-ramai.

Bagi saya, inilah medan terbaik untuk kita merungkaikan segala kekusutan fikiran dan mengenepikan seketika segala permasalahan dalam tugas sehari-hari.

Ladies and Gentlemen,

We have now reached the third week of the New Year. And little that we realized, UniMAP has organized two national level programs in the month of January alone, (MURoC and FFVPM7). Alhamdulillah, both events were successful. There is no doubt that this sweet success has opened a new chapter in the year 2010. As a Vice Chancellor, I feel that we must all share the sense of satisfaction when we get something done of which we can all be proud of.

Coming up tomorrow is the University Board of Directors (LPU) meeting that will be held in our main campus in Ulu Pauh. Early preparation has been made for this upcoming event and there are many other important events lining up for us to be accomplished throughout the year. 2010 will be a busy year for all of us. And it is my hope that everything will go as planned. InsyaAllah.

Hadirin dan hadirat sekalian,

Masa tidak pernah menunggu kita. Allah sendiri berfirman di dalam surah Al-Asr : **Demi masa! Sesungguhnya manusia dalam kerugian, Kecuali orang-orang yang beriman dan beramal soleh, dan mereka pula berpesan-pesan dengan kebenaran serta berpesan-pesan dengan kesabaran.**

Bukti nyata yang nyata, kita kini telah melangkah ke minggu terakhir dalam bulan pertama tahun 2010. Seminggu sahaja lagi, lengkaplah kitaran bulan pertama ini dan bulan Februari bakal mengambil alih kalendar 2010. Pantas bukan masa beredar??

Dan dalam tempoh sebulan ini juga, UniMAP telah dua kali menjadi penganjur kepada program bertaraf kebangsaan iaitu MURoC dan Festival Filem Dan Video Pelajar Malaysia kali ke-7.

Alhamdulillah, kedua-dua majlis ini berjalan dengan lancar dan sempurna dan sebagai Naib Canselor, saya merasakan kejayaan penganjuran kedua-dua program ini sesuatu yang amat membanggakan dan menjadi kejayaan manis untuk kita di tahun baru ini.

Semoga, kita semua akan terus diberikan kemudahan oleh Allah SWT dalam urusan pentadbiran dan pengurusan universiti di masa akan datang.

Hadirin dan hadirat sekalian,

Sebahagian daripada unit-unit dan PTJ di UniMAP telah membentangkan perancangan strategik masing-masing dan terdapat sebahagian lagi yang masih belum melaksanakannya.

Justeru, saya amat berharap anda semua dapat menyelesaiakannya dalam tempoh yang singkat memandangkan kita kini seharusnya sudah melangkah ke fasa pelaksanaan dan bukan lagi perancangan.

Perancangan strategik ini bukanlah sesuatu yang seharusnya membebankan kita, sebaliknya dengan adanya perancangan strategik ini ia secara tidak langsung akan menjadi panduan untuk kita melaksanakan tugas sehari-hari seterusnya

mencapai objektif yang telah ditetapkan oleh pengurusan tertinggi universiti.

Masih jauh jalan yang harus kita tempuh sebelum tiba ke penghujung tahun, justeru perancangan inilah yang bakal menentukan sama ada kita bakal melalui satu perjalanan yang lurus, atau terhenti selepas menemui jalan buntu.

Di sini juga, suka saya menjemput anda semua untuk menyertai skim potongan gaji Ibadat Korban yang dikendalikan oleh Unit Agama Islam. Sama ada kita sedar atau tidak, usaha Unit Agama Islam ini merupakan sebahagian daripada perancangan strategik.

Peracangan untuk memastikan ibadat korban anjuran universiti mendapat sambutan menggalakkan sekaligus memberikan ganjaran pahala untuk yang menyertainya.

Hadirin dan hadirat sekalian,

Pada minggu hadapan, kita bakal menerima kunjungan delegasi Audit Copia bermula 25 hingga 29 Januari ini. Justeru saya amat mengharapkan, semua PTJ dan Unit-Unit yang terlibat dengan proses audit ini akan memberikan kerjasama yang sebaiknya. Pastikan semua keperluan

dilengkapi dan sama-sama lah kita berdoa agar proses audit ini berjalan lancar tanpa sebarang masalah.

Suka juga saya mengingatkan anda semua untuk bersedia dengan info-info terkini UniMAP dan tidak memberikan fakta yang tidak tepat.

Saya akhiri ucapan pada pagi ini dengan dua rangkap pantun:

Buah pelaga makan dikikir
Dibawa orang dari hulu
Sebarang kerja hendaklah difikir
Supaya jangan mendapat malu

Tulis surat di dalam gelap
Ayatnya banyak yang tidak kena
Jagalah diri jangan tersilap
Jikalau silap awak yang bencana

Sekian, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.